



14 AUG, 2020

Potong gelang kuarantin cabaran PKPD Kuala Sanglang

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Lorong tikus, potong gelang kuarantin cabaran polis kawal PKPD Kuala Sanglang

Muka 4

Potong gelang kuarantin cabaran PKPD Kuala Sanglang

Kangar: Perbuatan segelintir penduduk Kuala Sanglang di sini, memotong gelang pink semata-mata bagi mengelak dikenali atau disedari orang ramai ketika ke pekan berdekatan.

"Keadaan geografi dan pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran di Kampung Kuala Sanglang, Perlis ini berbeza dengan kawasan lain, perkara ini kita terpaksa hadapi dan sukar untuk elak.

"Laluan ini (lorong tikus) adalah jalan kecil di belakang rumah penduduk yang sukar dilihat pihak keselamatan ketika melakukan sekatan jalan raya di kawasan terbabit.

Katanya, keadaan bertambah

buruk apabila ada penduduk memotong gelang pink semata-mata bagi mengelak dikenali atau disedari orang ramai ketika ke pekan berdekatan.

"Keadaan geografi dan pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran di Kampung Kuala Sanglang, Perlis ini berbeza dengan kawasan lain, perkara ini kita terpaksa hadapi dan sukar untuk elak.

"Laluan ini (lorong tikus) adalah jalan kecil di belakang rumah penduduk yang sukar dilihat pihak keselamatan ketika melakukan sekatan jalan raya di kawasan terbabit.

"Apabila mereka (pemakai ge-

lang merah jambu) keluar melalui jalan belakang rumah (yang terletak antara sempadan), mereka terus naik motosikal dan pergi ke pekan berdekatan dan lebih teruk ada yang potong gelang bagi mengelak orang awam mengenali mereka," katanya semalam.

Surina berkata, perkara terbabit seakan satu ancaman baharu bagi pihaknya memandangkan penduduk yang menyelip keluar dari kawasan PKPD berpotensi tinggi positif COVID-19.

"Seperti kejadian dikesan baru-baru ini, selepas keluar membeli barangan, mereka meminta

izin masuk balik ke kawasan dan selepas diselidik, baru kita tahu mereka buka gelang 'pink'.

"Tindakan ini sesuatu yang berbahaya dan kita terpaksa menahan mereka untuk mengetahui sejauh mana kontak yang telah dibuat sejourus keluar dari kawasan PKPD ini," katanya.

Surina berkata, ketika ini pihaknya sudah menempatkan anggota keselamatan di kawasan laluan belakang rumah berkenaan agar kejadian berkenaan tidak lagi berulang kembali.

"Bukan kita mahu melihat mereka sengsara dalam kawasan ter-

babit, tetapi bersabarlah kerana pihak berkuasa sudah mula mengagihkan bantuan kepada penduduk terjejas.

"Malah FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) juga sudah bersetuju menempatkan pasar basar dan barangan runcit di dalam kawasan TEMCO sebagai langkah membantu penduduk," katanya.

Kelmarin, polis menahan dua individu berusia 54 dan 67 tahun kerana ingkar PKPD selepas ditahan di sekatan jalan raya Kuala Sanglang ketika ke kedai runcit di pekan berdekatan.



14 AUG, 2020

Potong gelang kuarantin cabaran PKPD Kuala Sanglang

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Lorong tikus, potong gelang kuarantin cabaran polis kawal PKPD Kuala Sanglang Muka 4

Kangar: Perbuatan segelintir penduduk Kuala Sanglang di sini, memotong gelang pink sebelum menyusup keluar dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran itu, disifatkan ancaman baharu kerana mereka berpotensi tinggi mencetuskan penularan COVID-19.